



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**1 April 2016 / 23 Jamadilakhir 1437H**

**Rendah Diri Dalam Ilmu Pengetahuan**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita rendahkan hati dan jiwa kita pada saat ini. Mohonlah agar Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita ketakwaan yang sejati. Pintalah daripadaNya kekuatan agar kita dapat terus melaksanakan segala perintahNya dan menjauhkan diri daripada segala tegahanNya. Semoga Allah menerima permohonan kita ini. Amin Ya Rabbal 'alamin.

Saudaraku,

Hari ini, saya ingin mengajak kita merenungkan sebuah kisah yang terakam di dalam Surah al-Kahfi. Kisah tersebut menceritakan bagaimana Nabi Musa a.s. berazam untuk

belajar daripada Nabi Khidir a.s. Namun adakah kita tahu sebab di sebalik perintah tersebut?

Diriwayatkan oleh Ubayy bin Ka'ab daripada Rasulullah s.a.w. bahawa, apabila Nabi Musa a.s. sedang berada di kalangan Bani Israil, seorang lelaki datang kepadanya lalu bertanya: Adakah kamu tahu seseorang yang lebih alim daripada kamu? Nabi Musa menjawab: Tidak ada. Maka Allah s.w.t. berfirman kepadanya: Sesungguhnya hamba kami Khidir (lebih alim daripada kamu). Nabi Musa a.s. lalu bertekad untuk bertemu dengannya untuk mencedok ilmu pengetahuan kurniaan Allah kepadanya. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Kahfi ayat 65 sehingga 69 seperti berikut:

فَوَجَدَا عَبْدًا مِّنْ عِبَادِنَا آتَيْنَاهُ رَحْمَةً مِّنْ عِنْدِنَا وَعَلَّمْنَاهُ مِمَّا لَدُنَّا عِلْمًا ﴿٦٥﴾  
قَالَ لَهُ مُوسَىٰ هَلْ أَتَّبِعُكَ عَلَىٰ أَنْ تُعَلِّمَ مِنَّمَا عَلَّمْتَ رُشْدًا ﴿٦٦﴾  
قَالَ إِنَّكَ لَنْ تَسْتَطِيعَ مَعِيَ صَبْرًا ﴿٦٧﴾ وَكَيْفَ تَصْبِرُ عَلَىٰ مَا لَمْ تُحِطْ بِهِ خُبْرًا ﴿٦٨﴾  
قَالَ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ صَابِرًا وَلَا أَعْصِي لَكَ أَمْرًا ﴿٦٩﴾

Yang bermaksud: “Lalu mereka berdua mendapati seorang dari hamba-hamba Kami yang telah kami kurniakan kepadanya rahmat dari Kami dan Kami telah mengajarnya ilmu pengetahuan dari sisi Kami. Nabi Musa berkata kepadanya: Bolehkah aku mengikutmu, dengan syarat engkau mengajarku dari apa yang telah diajarkan oleh Allah kepadamu, ilmu yang menjadi petunjuk bagiku? Dia menjawab: Sesungguhnya engkau (wahai Nabi Musa), tidak sekali-kali akan dapat

*bersabar denganku! (Lalu Nabi Musa berkata) Dan bagaimana engkau mampu bersabar terhadap perkara yang engkau tiada ilmu pengetahuan tentangnya. Engkau akan mendapati diriku, dengan keizinan tuhan, sebagai orang yang penyabar, dan aku tidak akan menyalahimu pada urusan”.*

Subhanallah! Begitulah Allah s.w.t. membentuk peribadi para utusan Allah di kalangan para anbiya dan begitu sekali mereka ingin dibentuk.

Kisah ini menunjukkan kepada kita bagaimana hebat pun kita merasa kemampuan dan penguasaan ilmu kita, Allah s.w.t. lebih mengetahui akan semua perkara, dan ilmu pengetahuan manusia adalah terhad. Oleh kerana itu juga, Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Surah Yusuf ayat 76 yang bermaksud: *“Kami tinggikan darjat kedudukan sesiapa yang Kami kehendaki, dan tiap-tiap orang yang berilmu pengetahuan, ada lagi di atasnya yang lebih mengetahui.”*

Janganlah sesekali kita lupa, saudara, bahawa pemilik segala yang ada di langit dan di bumi, segala ilmu yang ada dalam hati dan minda kita, milik Allah s.w.t. Sedangkan Allah tidak membenarkan wujudnya setitik rasa bangga di dalam hati Nabi Musa a.s. – seorang nabi Allah yang telah berjaya melalui banyak pancaroba, yang telah mengajak ramai orang ke jalan Allah, yang telah menyelamatkan umatnya dengan

menjatuhkan musuh Allah– sedangkan beliau yang sehebat itu pun, Allah beri peringatan kepadanya agar tidak berbangga, tidak angkuh, tidak riak dengan kemahiran yang ada pada dirinya, apatah lagi diri kita yang tiada apa-apa ini tuan-tuan? Kita yang banyak kelemahan, kita yang banyak dosa, kita yang banyak membuat kesilapan. Layakkah kita berasa angkuh dengan sekelumit pengetahuan yang kita ada?

Tidak layak sama sekali. Maka marilah kita belajar sikap tawadhu', sikap rendah diri, dan jangan sesekali merasakan bahawa kita sudah tahu segalanya dan bahawa kita sahajalah yang benar.

Saudaraku,

Selain itu, perhatikanlah bagaimana Nabi Musa a.s., apabila mengetahui tentang seorang hamba Allah yang lain yang mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih mendalam daripada beliau? Adakah beliau merasa marah bahawa Allah s.w.t. telah kurniakan suatu ilmu kepada orang lain dan tidak kepadanya? Tidak tuan-tuan. Beliau tidak mempersoalkan tentang keilmuan hamba Allah tersebut, tidak juga beliau menafikannya. Beliau juga tidak berdebat tentang perkara itu dan membalas dengan hujah-hujah untuk membuktikan bahawa beliau tetap lebih alim dan mengetahui.

Malah, beliau bertanya kepada Allah s.w.t. “Beritahu kepadaku bagaimana boleh aku bertemu dengan hamba Allah ini untuk aku belajar daripadanya.” Dengan bersungguh-sungguh, dengan penuh rasa tawadhu’ dan ikhlas beliau ingin mengetahui bagaimana beliau boleh menimba ilmu dan pengalaman daripadanya, tanpa sedikit pun rasa marah atau angkuh.

Indahnya peribadi beliau. Meskipun telah menjadi seorang Nabi Allah, beliau tidak merasa bahawa ilmu yang beliau ada sudah cukup, tidak pula beliau berhenti menimba ilmu apabila diberitahu adanya seseorang yang mengetahui apa yang tidak beliau ketahui. Kesungguhan beliau melambangkan kesedaran yang sangat mendalam akan kekuasaan Allah s.w.t., dan kelemahan diri kita sebagai hambaNya. Ini sebenar sifat kerendahan diri yang perlu kita pupuk dalam diri setiap individu.

Saudaraku, terdapat pelbagai aspek kerendahan diri (tawadhuk) yang perlu diperhatikan setiap individu mukmin. Bermula dengan merendah diri kepada Allah s.w.t., merendahkan diri sesama manusia dan sebagainya. Tajuk yang begitu penting ini akan dibentangkan sepanjang bulan ini. Dengan harapan, agar ia dapat diterapkan dalam kehidupan kita seharian, insyallah.

Saudaraku yang dikasihi Allah,

Marilah kita mencontohi Nabi Allah Musa a.s., dalam sikap tawadhu' dalam menuntut dan meraih ilmu pengetahuan. Elakkan daripada sikap bangga dengan ilmu pengetahuan kita yang hanya sedikit, meskipun kita rasa ia sudah banyak. Elakkan daripada sikap ta'assub bahawa ilmu yang kita ada sudah cukup dan tidak perlu lagi belajar daripada orang lain. Tanamkan niat untuk menjejaki langkah Nabi Musa a.s., untuk terus gigih menuntut ilmu. Mudah-mudahan ia diterima sebagai amal soleh kita nanti, pada saat kita akhirnya dipertemukan dengan Dia yang sememangnya mengetahui segalanya. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.